



**GARIS PANDUAN PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

**KEMUDAHAN PERUBATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM
KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK**

**TARIKH KEMASKINI:
01 JANUARI 2026**

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	2
2. PENGGUNAAN PERUNTUKAN	2
3. PEMBAYARAN PERBELANJAAN PERUBATAN	2 - 3
4. TUNTUTAN PESARA	3
5. PEMATUHAN	4

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kadar tuntutan adalah berdasarkan Pekeliling Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan)
- 1.2 Pegawai-pegawai / Pesara Perkhidmatan Kerajaan Negeri dan keluarga mereka yang jatuh sakit akan mendapat rawatan, ubat dan rawatan perubatan atau pergigian percuma yang ada pada Kerajaan termasuklah pembekalan alat-alat ortopedik dan anggota-anggota palsu tetapi tidak termasuk pembekalan gigi palsu.

2. PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 2.1 Semua urusan pembayaran bagi pembiayaan perubatan pegawai yang sedang berkhidmat serta ahli keluarga berdasarkan pekeling yang berkuat kuasa akan diuruskan oleh jabatan masing-masing menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan.
- 2.2 Semua pembayaran bagi kakitangan awam lantikan tetap adalah di bawah OS15000, manakala bagi kakitangan awam yang bukan tetap dan pesara hendaklah menggunakan peruntukan di bawah OS29000.
- 2.3 Sekiranya peruntukan jabatan tidak mencukupi bagi maksud tersebut, jabatan hendaklah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Pejabat Kewangan Negeri bagi menampung perbelanjaan tersebut.

3. PEMBAYARAN PERBELANJAAN PERUBATAN

- 3.1 Semua pembayaran perubatan adalah tertakluk kepada pekeling-pekeling yang berkuat kuasa.

- 3.2 Semua jenis bayaran perubatan/ bayaran balik tuntutan perubatan **bagi tahun sebelumnya tetapi diluluskan oleh Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan pada tahun semasa**, dibayar sebagai perbelanjaan semasa dan tidak perlu dibayar sebagai perbelanjaan di bawah AP 58(a).
- 3.3 Pejabat Kewangan Negeri akan menguruskan semua tuntutan daripada **Institut Jantung Negara (IJN)** bagi semua kakitangan dan pesara Kerajaan Negeri yang berkelayakan.
- 3.4 Bagi tujuan rawatan buah pinggang, kelulusan Pejabat Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu untuk pembiayaan seperti berikut:
 - 3.4.1 Permohonan baharu;
 - 3.4.2 Pembaharuan kelulusan yang akan tamat tempoh;
 - 3.4.3 Pertukaran tempat rawatan haemodialisis; dan
 - 3.4.4 Pembekalan/ perubahan jenis ubat bagi menjalani rawatan.

4. TUNTUTAN PESARA

- 4.1 Semua tuntutan perubatan termasuk tuntutan perjalanan bagi tujuan perubatan pesara Kerajaan Negeri perlu dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri.
- 4.2 Tuntutan perjalanan bagi rawatan di luar stesen hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya enam (6) bulan dari tarikh akhir rawatan dalam satu-satu bulan dengan kadar yang telah ditetapkan di dalam pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

5. PEMATUHAN

- 5.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta-merta dan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri terdahulu berkaitan perkara ini adalah **terbatal**.

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN.**